

1975

KUALA LUMPUR, 16 APRIL (BERNAMA) - KEMENTERIAN PELAJARAN TIDAK BERCADANG MEMAKSA SEMUA MURID PEREMPUAN MEMAKAI BAJU KURUNG, MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN HARI INI. TERPULANGLAH KEPADA IBUBAPA MURID-MURID PEREMPUAN BERUGAMA ISLAM MEMUTUSKAN SAMA ADA ANAK MEREKA HENDAK MEMAKAINYA ATAU TIDAK.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB SENATOR HAJJAH SALMAH SHEIKH HUSSEIN YANG INGIN TAHUN KEDUDUKAN CADANGAN MENJADIKAN BAJU KURUNG SEBAGAI PAKAIAN SERAGAM DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, KEMENTERIANNYA, DI BAWAH MENTERI PELAJARAN YANG LEPAS, TELAH MEWAJIBKAN PAKAIAN BAJU KURUNG UNTUK MURID-MURID PEREMPUAN ISLAM ATAS PERMINTAAN BEBERAPA KALANGAN.

SETELAH DIKUATKUASAKAN, RAMAI IBUBAPA TELAH MENENTANGNYA KERANA MENAMBAHKAN PERBELANJAAN DAN MEREKA JUGA BERPENDAPAT MORAL YANG BAIK TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN BAJU KURUNG.

KEMENTERIAN TELAH MENARIK BALIK ARAHAN TERSEBUT DAN MEMBIARKAN IBU BAPA MEMBUAT PILIHAN SENDIRI SAMA ADA ANAK-ANAK PEREMPUAN MEREKA PERLU MEMAKAI BAJU KURUNG.

MENTERI KEBAJIKAN AM, PUAN HAJJAH AISHAH GHANI, DALAM JAWAPANNYA KEPADA SOALAN SENATOR SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN BERKATA, KEMENTERIANNYA TELAH MENGELUARKAN PERBELANJAAN LEBIH \$259,000 UNTUK MEMBANTU MANGSA-MANGSA BANJIR DALAM TAHUN 1973 DAN 1974. --
BERNAMA 1622/LK